

08/07/1998

JPA belum cadang perluas sistem WBB

BANGI, Selasa - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) belum bercadang memperluaskan sistem waktu kerja berperingkat (WBB) di agensi-agensi tertentu kerajaan di luar Lembah Klang.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr Mazlan Ahmad, berkata JPA masih memerlukan masa untuk memastikan sistem itu benar-benar berkesan kerana sebarang langkah memperluaskannya ke negeri lain membabitkan kos yang lebih tinggi.

"Kita juga memerlukan sedikit masa untuk melihat sama ada orang ramai mengambil kesempatan daripada jadual kerja baru itu untuk berurusan dengan agensi-agensi kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Mengenai Pentadbiran Awam, di sini hari ini.

Seminar sehari itu dianjurkan oleh Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Persatuan Mahasiswa Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia dan Unit Permodenan Pentadbiran Malaysia (Mampu).

WBB yang diperkenalkan Mei lalu di kawasan Lembah Klang bagi membolehkan orang ramai mempunyai masa lebih panjang untuk berurusan dengan lima agensi, iaitu JPA, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Mengikut sistem itu, pejabat kerajaan akan memulakan perkhidmatan dari jam 7.30 pagi hingga 4.45 petang pada Isnin hingga Khamis, pada Jumaat waktu kerja sama kecuali waktu rehat mulai jam 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang dan waktu kerja antara 7.30 pagi dan 1.15 petang pada Sabtu.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sektor perkhidmatan awam perlu disusun semula untuk mengurangkan karenah birokrasi yang boleh melambatkan kelulusan permohonan.

Sebelum ini, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, berkata JPA mungkin memperkenalkan WBB ke semua jabatan kerajaan di seluruh negara, apabila langkah percubaan yang dilaksanakan di Lembah Klang memberi kesan positif.

Sementara itu, Dr Mazlan juga mengarahkan supaya kakitangan perkhidmatan awam mempertingkatkan keupayaan dengan mempercepatkan prosedur kerja, selaras dengan kemahuan Perdana Menteri supaya mereka mengurangkan karenah birokrasi dalam pentadbiran.

Menurutnya, kakitangan awam perlu memahami mesej supaya mempercepatkan penyelesaian masalah seperti kelulusan peringkat tinggi pelaburan dan membabitkan pelaburan asing.

"Berdasarkan masalah yang dihadapi, kita menggesa kakitangan awam bekerja lebih bersungguh-sungguh daripada sekarang.

"Mesej Perdana Menteri ialah kita perlu menyelesaikan masalah segera, percepat proses seperti peringkat tinggi pelaburan dan pelaburan luar kerana ada pengalaman di negara lain mendapati pelabur luar lari kerana karenah birokrasi ini," katanya.

Dr Mazlan berkata, sebelum ini Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kerajaan memerlukan kerjasama penuh daripada kakitangan awam untuk mempercepat proses kelulusan pelbagai permohonan seperti pelan, kelulusan tanah, lesen dan sebagainya.

"Kita sekarang menggerakkan perkhidmatan awam ke arah yang lebih mudah dan sudah lama mampu bekerja ke arah itu. Mesej sudah turun ke bawah supaya kakitangan awam bekerja lebih berkesan. Sistem yang kita rangka kini sudah dilaksanakan sepenuhnya," katanya.

(END)

